

Prof. Datin Noor Aziah Mohd Awal  
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar dan Alumni)

UKM JCN/224/2  
11 Mac 2015

**DEKAN/PENGARAH/KETUA/PENGETUA  
FAKULTI/ISNTITUT/PUSAT/JABATAN/KOLEJ KEDIAMAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datul/Dato'/Tuan/Puan,

**KEMPEN KAMPUS SIFAR POLISTERINA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah memperkenalkan enam (6) Bidang Keberhasilan Utama (KRA) UKM pada tahun 2014. Salah satu daripada KRA tersebut ialah KRA6 iaitu *Prasarana dan Persekitaran Ilmu Yang Kondusif*. Pada tahun 2015, salah satu daripada tiga (3) Cabaran Perdana KRA6 ialah *Meningkatkan keceriaan dan kelestarian kampus supaya menjadi tarikan*. Antara aktiviti yang dilakukan bagi cabaran perdana ini ialah 'Kempen Kampus Sifar Polisterina'.

3. Berkuatkuasa 1 April 2015, semua pengusaha kafeteria/kiosk makanan di UKM adalah dilarang menggunakan bekas polisterina dan beg plastik bunjut untuk membungkus makanan dan minuman yang dijual di premis perniagaan masing-masing. Sehubungan itu, semua Warga UKM dimohon untuk mengambil perhatian dan tindakan terhadap perkara berikut:


- i. Warga UKM digalakkan untuk makan/minum di kafeteria tanpa perlu membungkus makanan/minuman;
- ii. Warga UKM digalakkan membawa bekas (*container*) sendiri untuk membungkus makanan/minuman;
- iii. Warga UKM dilarang membawa masuk makanan/minuman luar yang menggunakan bekas polisterina/beg plastik bunjut ke dalam UKM;
- iv. Pihak kafeteria/kiosk makanan dikehendaki menggunakan alternatif lain untuk membungkus makanan/minuman seperti bekas makanan bertutup (*container*) atau sekurang-kurangnya bekas polisterina biodegradasi;
- v. Pihak kafeteria/kiosk makanan boleh mengenakan caj tambahan tidak lebih dari RM0.20 bagi setiap bekas makanan bertutup (*container*) atau bekas polisterina biodegradasi yang digunakan.



4. Diharap semua Warga UKM bersedia menerima perubahan positif ini sebagai tanda sokongan terhadap 'Kempen Kampus Sifar Polisterina' bagi membantu memulihara dan menjaga kebersihan dan kelestarian kampus. Untuk makluman juga, pihak Universiti akan dari semasa ke semasa membuat pemeriksaan mengejut bagi memastikan perkara ini dipatuhi oleh semua pihak. Para pelajar juga dimohon untuk melaporkan kepada pihak Universiti sekiranya terdapat pengusaha kafeteria/kiosk makanan yang tidak mematuhi ketetapan ini. Bersama-sama ini dilampirkan surat edaran kepada pengusaha kafeteria/kiosk makanan di UKM untuk makluman.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**PROF. DATIN NOOR AZIAH MOHD AWAL**  
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni)  
Merangkap Pengerusi KRA6

- s.k. - Naib Canselor  
- Timbalan-timbalan Naib Canselor  
- Pengarah Strategi-UKM  
- Pengarah Eksekutif Pentadbiran  
- Pengarah Eksekutif Kewangan  
- Ketua Pustakawan